

Kes 1

Akibat kesalahan kecil, Mulyati dianiaya hingga terpaksa melarikan diri selepas hampir empat bulan bekerja. Polis hanya menahan reman majikan dan dilepaskan semula dengan ikat jamin. Selepas lima bulan berlalu tiada siasatan susulan dibuat.

Kes 2

Pada hari pertama, Dioh mendakwa dirinya dipukul dan disepak majikannya. Pada 7 Julai lalu jiran membuat laporan polis berhubung penaniayaan itu tetapi selepas tiga minggu berlalu, polis tidak membuat sebarang tindakan.

Kes 3

Limah (bukan nama sebenar) dirogol ayah majikannya yang berusia 69 tahun. Beliau mengandung dan melahirkan bayi lelaki yang kini berusia tujuh bulan. Sehingga kini perogol itu belum didakwa walaupun ujian DNA membuktikan kejadian itu.

Oleh Norzilawati Abdul Halim

MUNGKIN anda masih ingat kes penderaan pembantu rumah Indonesia bernama Nurjanah Matyak dan Sri Mulyati yang pernah tersiar di dada akhbar tidak lama dulu. Ia bukan perkara baru membabitkan pembantu rumah tetapi yang menjadi keutamaannya penganiayaan terhadap mereka masih belum terbela.

Menurut Setiausaha Eksekutif, Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO), Ivy Josiah, lima kes yang dikemukakan kepada pihak berkuasa, hanya satu kes membabitkan Nurjanah berjaya diselesaikan di mahkamah baru-baru ini. Manakala empat lagi menunggu siasatan polis atau percabaran mahkamah untuk mendakwa majikan mereka.

Sehubungan itu, mangsa yang mendapat perlindungan di bawah WAO, menggesa pihak berkuasa menyegerakan proses siasatan itu agar mereka diberi pembelaan sewajarnya.

"Setiap kali kami mengajukan soalan kepada polis, tiada tindakan yang dilakukan. Mereka memberi alasan kekurangan kakitangan untuk menjalankan siasatan.

"WAO juga cuba mendapatkan penjelasan Jabatan Buruh untuk mengeluarkan surat saman kepada majikan kerana kegagalan mereka membayar gaji tertangguh kepada pembantu rumah.

"Mangsa tidak mempunyai pendapatan untuk menampung kehidupan mereka di sini. Kesengsaraan mereka semakin bertambah apabila tidak dibenarkan bekerja. Segala perlindungan dan keperluan ketika berada di pusat perlindungan, semuanya ditanggung WAO," kata Ivy.

WAO pernah memohon pihak Imigresen memberi kebenaran kepada mangsa penderaan ini terus bekerja untuk menampung perbelanjaan mereka di sini dan juga bekalan pulang ke kampung halaman.

Setakat ini, maklum balas secara



MULYATI menunjukkan gambar selepas polis berjaya menyelamatkannya daripada didera majikan.

B/H (23/9/2000)

Pembantu mangsa dera tiada pembelaan

lisan, Jabatan Imigresen bersetuju memberi keizinan berdasarkan kes tertentu.

Mengimbas kisah yang berlaku terhadap Sri Mulyati Hamid, 26, beliau didera teruk majikan dan isterinya. Akibat kesalahan kecil, Mulyati dianiaya hingga terpaksa melarikan diri selepas hampir empat bulan bekerja.

Polis Petaling Jaya hanya menahan reman majikan dan dilepaskan

semula dengan ikat jamin. Selepas lima bulan berlalu tiada siasatan susulan untuk mendakwa majikan Mulyati. Masalah ini turut dialami Dioh Sharif, 40-an, dianiaya majikan sejak hari pertama bekerja.

Dioh dijanjikan gaji RM350 tetapi hanya menerima RM500 sejak tiba dan bekerja dengan majikan mulai September 1997. Pada hari pertama, Dioh mendakwa dirinya didera oleh majikannya dengan menggunakan rotan selain dipukul dan disepak. Pada 7 Julai lalu, majikan yang dikenali dengan nama Yap, menggunakan paip getah untuk menukul Dioh di bilik mandi.

Penderaan terhadap Dioh turut didengari jiran yang akhirnya memanggil polis pada hari sama. Ketika Dioh dibawa keluar dari rumah majikannya, polis berjanji untuk membawa beliau membuat laporan pemeriksaan pada esoknya.

Namun, selepas tiga minggu berlalu, polis tidak membuat sebarang tindakan. Walaupun WAO berbilang kali membuat perkara itu lara,

berjaya melarikan diri dengan menaiki teksi menuju klinik bersalin.

Doktor yang membidankan Limah, membawanya ke rumah perlindungan WAO. Menurut Ivy, laporan polis dibuat pada 14 Februari 2000 dan ujian DNA membuktikan dakwaan itu.

Bagaimanapun, menurut polis, kes yang dikemukakan tidak kukuh disebabkan tiada saksi yang menyaksikan kejadian itu. Disebabkan itu juga, kes itu digugurkan dan WAO mendapatkan peguam untuk mengeluarkan surat arahan perogol itu membayar pampasan secukupnya kepada Limah. Sejak dua minggu lalu, WAO mencuba menghubungi majikan Limah tetapi gagal.

Sementara itu, WAO masih menunggu tindakan Jabatan Buruh terhadap majikan Limah kerana tidak membayar gajinya RM350 sebulan selama dua tahun.

Kejadian menimpa Limah, turut berlaku pada Nasihah (bukan nama sebenar), 27, yang dirogol ejen agensi pembantu rumah. Akibatnya, beliau

Status kes Nasihah ini masih ti perkembangan sejak laporan dibuat pada 20 Jun lalu.

Menurut Ivy, polis juga tidak bertindak untuk mendapatkan kem pasport Nasihah. Tiada pendakw dibuat walaupun polis berjanji menjalankannya.

Tambah Ivy, berdasarkan em kes dikemukakan tadi, membu beberapa pihak tertentu seolah memandang sepi nasib mal yang menimpa pembantu rum. Apa yang WAO harapkan siasa itu dipercepatkan agar mereka bertanggungjawab menerima b san sewajarnya.

Sementara itu, menurut juruca polis Petaling Jaya ketika dihu ngi memberitahu, WAO harus mahami prosedur siasatan yang jalankan polis. Sememangnya, lis memberi perhatian terhadap yang dikemukakan tetapi mem keutamaan terhadap kes memba kan rompakan dan pembunuhan.

Katanya, polis juga pernah mer dalam perjumpaan dengan WAO.

membawa beliau membuat laporan pemeriksaan pada esoknya.

Namun, selepas tiga minggu berlalu, polis tidak membuat sebarang tindakan. Walaupun WAO berulang kali menanyakan perkara itu, jawapan polis tetap sama. Disebabkan penangguhan ini, kesan lenbam akibat penderaan Dioh lamakelamaan hilang dan tidak boleh dijadikan bukti.

Polis turut berjanji mendapatkan barang kemas dan keperluanmilik Dioh di rumah majikan, namun sehingga ke hari ini tiada usaha dilakukan.

Limah (bukan nama sebenar) mengalami nasib malang kerana beliau dirogol ayah majikannya yang berusia 69 tahun. Akibatnya, beliau mengandung dan melahirkan bayi lelaki yang kini berusia tujuh bulan.

Kejadian rogol itu tidak diketahui majikannya sehingga perut limah membesar. Bagi mengelakkan itu, Limah dikurung majikannya. Pada saat melahirkan bayi itu, limah

membayar gajinya RM350 sebulan selama dua tahun.

Kejadian menimpa Limah, turut berlaku pada Nasihah (bukan nama sebenar), 27, yang dirogol ejen agensi pembantu rumah. Akibatnya, beliau mengalami trauma.

Hasrat Nasihah untuk mencari nafkah di negara ini pada 25 Mei 2000 berkecai kerana perbuatan keji ejen itu. Sementara menunggu panggilan pekerjaan, Nasihah menetap di agensi pekerjaan. Sepanjang beliau berada di situ, agen berkenaan mengambil kesempatan mencabul kehormatannya.

Nasihah mendakwa ejen itu merogolnya pada 5 dan 6 Jun lalu. Akibat kejadian itu juga beliau diugut akan dibunuh jika cuba membongkar rahsia itu. Tetapi nasib menyebelahi Nasihah apabila dia berjaya menghubungi kedutaan Indonesia pada 15 Jun.

Polis berjaya membawa keluar Nasihah dan mendapatkan pemeriksaan di Hospital Universiti. Manakala ejen berkenaan disoal siasat.

Polis memberi perhatian terhadap kes yang dikemukakan tetapi memberi keutamaan terhadap kes membabitkan rompakan dan pembunuhan.

Katanya, polis juga pernah mengadakan perjumpaan dengan WAO dan mangsa pada bulan ini agar kes itu diselesaikan secepat mungkin.

Dalam hal ini, ia memerlukan kerjasama banyak pihak bagi menyegerakan proses penyiasatan agar mangsa dapat meneruskan kehidupan normal. Penyiasatan perlu dilakukan dengan teliti agar yang bersalah dapat didakwa dan mangsa dibela. Justeru, pihak pertubuhan bukan kerajaan sepatutnya tidak menunding kepada mana-mana pihak terbabit sebelum keadilan dapat ditegakkan.

Punca permasalahan berkaitan penderaan pembantu rumah hendaklah dikaji secara menyeluruh sebelum mengambil kira jalan penyelesaian. Biasanya, sesuatu berlaku bertimbal balas. Diharap peristiwa ini dijadikan iktibar oleh semua pihak.



DIOH menunjukkan kesan deraan dilakukan majikannya. Sehingga hari ini tiada dakwaan dibuat terhadap majikan terbabit.